

Rancang adakan solat sunat minta hujan

Jika cuaca panas kering berterusan di Perak

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH

Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) merancang untuk mengadakan solat sunat Istisqa (solat minta hujan) sekiranya cuaca panas kering di negeri ini terus berlanjutan.

Pengarah JAIPK, Harith Fadzilah Abdul Halim berkata, memo pemberitahuan mengenai perkara itu akan dibuat kepada semua masjid di seluruh negeri dalam masa terdekat.

"Insya-ALLAH jika keadaan terus panas begini, kita akan buat solat sunat istisqa untuk memohon hujan di seluruh negeri.

"Mungkin Isnin ini memo boleh dikeluarkan, jika tidak Selasa maka Rabu kita boleh adakan tanpa perlu tunggu Jumaat (solat Jumaat)," katanya ketika ditemui pemberita dalam majlis Sambutan Hari Raya Masjid Muhammadiyah (Masjid Cina) di Taman Tasek Jaya dekat sini pada Ahad.

Pada Khamis, Jabatan Meteorologi Malaysia



Harith Fadzilah (tiga dari kiri) bersama Dr Fadzli Cheah (kiri) menyantuni orang ramai yang hadir dalam majlis Sambutan Hari Raya Masjid Muhammadiyah (Masjid Cina) di Taman Tasek Jaya, Ipoh pada Ahad.

(METMalaysia) merekodkan Perak antara lima negeri berada di tahap satu iaitu keadaan berjaga-jaga kerana mencapai suhu harian antara 35 hingga 37 darjah Celcius sekurang-kurangnya melebihi tiga hari berturut-turut.

Kawasan terlibat adalah di Hulu Perak, Kinta dan Manjung.

Sementara itu, Pengerusi Masjid Muhammadiyah, Datuk Dr Fadzli Cheah Abdullah berkata, anjuran rumah terbuka yang menjadi aktiviti tahunan masjid telah

dihentikan selama tiga tahun disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tahun ini kita anjurkan semula dengan dengan harapan dapat mengeratkan ukhuwah antara ahli kariah dan penduduk," katanya.

Masjid Muhammadiyah yang dibangunkan mengikut seni bina Cina bukan sahaja menarik umat Islam beribadat, tetapi tarikan kepada bukan Islam dengan pelbagai aktiviti dan kemudahan disediakan.